

# Sungai Golok paras bahaya

Penduduk dinasihati pindah awal setelah hujan berterusan, elak risiko lain

**RANTAU PANJANG** - Penduduk bersiap sedia menghadapi gelombang kedua banjir selepas mendapati Sungai Golok di Rantau Panjang melepasi paras bahaya.

Mengikut portal *info-banjir.water.gov.my* Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), pada jam 5 petang semalam, ketinggian Sungai Golok berada pada bacaan 9.07 meter.

Bagaimanapun setakat ini, tiada mangsa ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PSS).

Aktiviti masyarakat juga berjalan seperti biasa termasuk aktiviti membeli belah di Zon Bebas Cukai Rantau Panjang.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati jalan raya utama



Penduduk sekitar Sungai Golok diminta bersiap sedia menghadapi gelombang kedua banjir selepas mendapati Sungai Golok di Rantau Panjang melepasi paras bahaya.

Pasir Mas Rantau Panjang dan Jalan Rantau Panjang Panglima Bayu boleh dilalui semua kenderaan.

Sementara itu, Ketua Polis Pasir Mas, Asisten Komisioner, Abdullah Mohammad Piah berkata, jika hujan lebat ber-

terusan, penduduk diminta berpindah ke PPS dan tidak tunggu berpindah menjelang malam.

Menurutnya, pemindahan pada waktu malam bukan sahaja mengundang bahaya kepada penduduk malah

**info** • Ketinggian Sungai Golok berada pada bacaan 9.07 meter.

anggota penyelamat.

“Ibu bapa yang mempunyai anak-anak kecil, ibu mengandung, warga emas dan pesakit kronik diminta mengambil langkah awal.

“Penduduk di kawasan rendah antaranya Jejawi, Lanchang, Putat Tujuh dan Tasek Bakong berisiko banjir jika air meningkat melebihi paras bahaya,” katanya.

Abdullah turut menasihati ibu bapa agar memastikan anak-anak tidak bermain di kawasan banjir bagi mengelak kes lemas.